

29/09/2003

Bacaan Asma-ul-Husna, pencak silat catat rekod

Idzham Hadi Sidik

MELAKA: Dua program membabitkan kanak-kanak dan pelajar sekolah di negeri ini berjaya dicatatkan dalam Malaysia Book of Records (MBR) sebagai kegiatan yang disertai paling ramai peserta.

Program itu ialah bacaan Asma-ul-Husna oleh 6,000 kanak-kanak Taman Bimbingan Kanak-kanak (Tabika) Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kemas), perhimpunan dan pencak silat membabitkan 4,780 pesilat seluruh negeri.

Bacaan Asma-ul-husna yang diperdengarkan oleh kanak-kanak teramai di negeri ini terlebih dulu menerima sijil MBR apabila berjaya dilaksanakan tepat pada jam 9 pagi di Lapangan Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC).

Sijil MBR itu diserahkan sendiri oleh Pembantu Khas kepada Pengarah Urusan MBR, Sujatha Nair kepada Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Mohd Rustam dan turut disaksikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Desa dan Pertanian Negeri, Datuk Ibrahim Durum serta Pengarah Kemas Negeri, Azeman Md Yusof.

Perhimpunan dan pencak silat teramai yang diadakan di Dataran Sejarah Ayer Keroh di sini pula menerima sijil MBR pada jam 5 petang apabila Sujatha menyerahkan sijil berkenaan kepada Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan Negeri, Datuk Long Said yang turut disaksikan oleh Pengarah Pendidikan Negeri, Baharom Kamari.

Dengan penganugerahan sijil MBR untuk dua program di negeri ini dalam tempoh lapan jam, pelajar dan belia di negeri ini membuktikan slogan 'Malaysia Boleh' yang diilhamkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kini semakin meresap dalam diri mereka.

Ketua Menteri dalam ucapannya pada majlis perasmian bacaan Asma-ul-husna itu menjelaskan, usaha yang dilakukan oleh Tabika Kemas mengajar kanak-kanak mengingati nama tuhan sangat baik dan perlu diteruskan.

Katanya, program itu bukan saja menyangkal dakwaan pembangkang bahawa kanak-kanak Tabika Kemas tidak diajar aspek keagamaan tetapi membuktikan bahawa sistem pembelajaran Tabika Kemas mencakupi pelbagai bidang.

"Tabika Kemas mengajar perkara yang baik dalam pelbagai bidang termasuk ilmu dunia dan akhirat selain tidak pernah menghasut kanak-kanak supaya membenci pemimpin dan kerajaan," katanya.

Sementara itu, pada majlis pencak dan perhimpunan silat teramai, Baharom berkata, program itu adalah sebagai bukti semua pelajar di negeri ini aktif dalam kegiatan kokurikulum.

Beliau yang juga Mahaguru Persatuan Seni Silat Kuntau, berkata program itu bukan bertujuan ingin menonjolkan diri tetapi sebagai mengingatkan remaja bahawa seni silat adalah budaya Melayu yang perlu dikekalkan.